

Ekonomi: MCA, peniaga Cina jumpa PM

KUALA LUMPUR 5 Ogos - Isu ekonomi seperti kerenah birokrasi dalam kerajaan dan kesukaran mendapat pinjaman untuk industri kecil dan sederhana (IKS) bakal menjadi agenda utama pertemuan pemimpin MCA kumpulan peniaga Cina dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, esok.

Naib Presiden MCA, Datuk Dr. Chua Soi Lek berkata, perjumpaan itu bertujuan membincangkan soal ekonomi dan memastikan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) berjalan lancar serta misi negara mencapai matlamatnya.

"Kita berharap pertemuan selama sejam setengah itu dapat mencapai tujuannya dan dibincangkan dengan ikhlas. Tiada agenda lain selain daripada isu ekonomi kerana perjumpaan itu melibatkan persatuan perniagaan," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Seminar Sembilan Strategi Dasar MCA di sini hari ini.

Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting akan mengetuai delegasi bertemu Abdullah esok bersama tiga lagi menteri dari MCA dan timbalan-timbalan menteri dan setiausaha parlimen.

Masyarakat Cina pula akan diwakili oleh ahli jawatankuasa pelbagai pertubuhan Cina manakala Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) akan bertindak sebagai sekretariat bagi perjumpaan itu.

Menurut Soi Lek, perjumpaan esok membuktikan dakwaan sesetengah pihak bahawa pandangan persatuan-persatuan Cina diabaikan oleh kerajaan adalah tidak benar.

"Selepas ini lebih banyak perbincangan antara Perdana Menteri dengan Persatuan Cina akan diatur mengikut kesesuaian," jelasnya.

Sementara itu, Ka Ting yang turut hadir dalam majlis tersebut berkata, masyarakat Cina tidak boleh menjalani kehidupan seharian secara berpuak-puak iaitu satu kumpulan berpendidikan Inggeris dan satu lagi berpendidikan Cina.

"Saya tidak mahu yang berpendidikan Inggeris hanya boleh menguasai bahasa inggeris begitu juga dengan berpendidikan Cina yang hanya mahir bertutur dalam Mandarin," katanya.